

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Sektor pendidikan TVET akan terus diperkasa – TPM



AHMAD ZAHID ketika menerima kunjungan delegasi daripada MPN di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Sektor pendidikan TVET akan terus diperkasa – TPM

PETALING JAYA – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menyambut baik hasrat Majlis Professor Negara (MPN) yang mahu sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) terus diperkasa.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, TVET sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian itu akan terus diupayakan selaras dengan pembangunan negara.

"Saya menyambut baik cadangan yang diberikan (MPN) dan akan memastikan agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan terus diupayakan khususnya dalam sektor TVET," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Ahmad Zahid memaklumkan, beliau telah dikunjungi delegasi dari MPN yang diketuai oleh Pengerusinya, Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin.

Jelas beliau, dalam sesi kun-

jugan lebih dua jam itu, pelbagai perkara dan sisi kerjasama telah diatur antara kedua-dua pihak.

"Pastinya, dengan kepakaran ilmuwan dan kluster yang wujud di bawah MPN, banyak data, kajian, penyelidikan dan idea yang mampu diangkat untuk pembangunan negara bangsa.

"Saya juga mengajak para ilmuwan yang bernaung di bawah MPN, turut bersama dalam membantu dan memberikan kepakaran mereka dalam isu kos sara hidup demi kesejahteraan rakyat," ujarnya.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berharap sesi perkongsian dan meraiikan pendapat daripada para ilmuwan ini akan terus diadakan.

Ini kerana, kata beliau, pertemuan seumpama itu adalah satu 'koridor baharu' dalam usaha mendapatkan input terbaharu yang diperlukan di dalam memastikan dasar pentadbiran negara sentiasa memenuhi aspirasi rakyat.